

13/03/2004

MB rayu pemimpin gugur bantu calon BN

Jalal Ali Abdul Rahim

IPOH: Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, merayu semua ketua penaja Umno bahagian di negeri itu yang tidak disenaraikan membantu kemenangan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum kali ini.

Beliau berkata, mereka tidak seharusnya berasa kecewa kerana parti bukan berniat mengetepikan mereka.

Katanya, ada antara beberapa ketua penaja Umno bahagian memang berkaliber tetapi tidak dapat ditonjolkan kerana bilangan kerusi yang dipertandingkan terhad.

"Saya berharap semua ketua penaja Umno bahagian yang tidak bertanding memberi kerjasama mereka kepada calon BN," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di kediamannya di sini, malam kelmarin.

Berdasarkan senarai calon Umno Perak, dua ketua penaja Umno bahagian yang bergelar Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) tidak dicalonkan semula pada pilihan raya umum kali ini.

Mereka ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri yang juga Ketua Penaja Umno bahagian Tapah, Datuk Azman Mahalan (DUN Ayer Kuning) dan Ketua Penaja Umno bahagian Lumut, Datuk Mohamad Wajdi Ishak (DUN Pangkor).

Dua lagi yang berada di kawasan majoriti Melayu tetapi tidak dicalonkan ialah Ketua Penaja Umno bahagian Parit Buntar, Datuk Abdul Rahman Suliman dan Ketua Penaja Umno Sungai Siput, Datuk Zazlan Samin.

Seorang lagi iaitu Yang Di-Pertua Dewan Negeri Perak yang juga Ketua Penaja Umno bahagian Tanjung Malim, Datuk Seri Junus Wahid (DUN Slim), tidak dicalonkan selepas menyatakan hasratnya mahu berundur.

Beberapa lagi ketua penaja Umno bahagian di Perak turut tidak disenarai kerana kerusi kawasan mereka milik komponen BN.

Tajol Rosli berkata, beliau meminta mereka menerima keputusan pucuk pimpinan parti tetapi tidak boleh menghalang mana-mana pihak yang mahu membuat rayuan.

Jika ada yang mahu merayu, mereka perlu berbuat demikian kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

"Dalam kes Abdul Rahman, pucuk pimpinan Umno berjanji memberikan jawatan Senator kepadanya," kata beliau.

Mengenai peluang BN Perak merampas semua kerusi, Tajol Rosli berkata, sasaran itu mungkin tidak dapat dicapai berikutan beberapa masalah yang timbul termasuk isu Parlimen Bukit Gantang dan Taiping, selain kehadiran Pengerusi Kebangsaan, Lim Kit Siang bertanding di Parlimen Ipoh Timur.

Beliau juga berkata, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan turun membantu kempen BN Perak khususnya bagi memberi tamparan kepada Kit Siang di Ipoh, Jumaat ini, manakala Najib pula akan datang ke Alor Pongsu bagi menemui pemimpin BN dan rakyat.